


# SUKIPT 2016 Johor: UMS kotakan sasaran enam emas

UB 4.2.2016 A16



**KOTA KINABALU:** Christina Ederis (gambar) menang emas lagi tetapi kali ini dalam acara karate sekaligus membantu Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengotakkan sasaran enam emas pada Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Ke-III di Johor kelmarin.

Christina merangkul pingat emas kedua peribadinya dengan menumpaskan Siti Hajar Mohd Azhar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2-1 pada perlawanan akhir kumite wanita 68kg ke atas.

Christina sebelum ini juga menyumbangkan

pingat emas dalam sukan pencak silat di mana beliau menundukkan peserta Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nurnabilah Natasya Abdullah 5-0 pada perlawanan akhir Kelas E Puteri.

UMS juga menambah satu lagi pingat perak dari acara lontar peluru lelaki dan dua gangsa dari acara lompat jauh lelaki dan kumite lelaki untuk keseluruhan enam emas, empat perak dan 10 gangsa sehingga jam 6.00 petang kelmarin.

Kejohanan dwi-tahunan itu mempertandingkan 25 jenis sukan tetapi UMS hanya mengambil bahagian dalam 10 jenis sukan itu

taekwondo, silat, olahraga, karate, bola tampar pantai, lawan pedang, badminton, petanque, boling padang dan boling tenpin.

Kejohanan yang menawarkan keseluruhan 251 pingat emas itu disertai lebih 120 institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk politeknik, kolej komuniti, Institut Pendidikan dan Kolej Matrikulasi.

Selain IPTA dan PTS tempatan, kejohanan itu juga disertai pasukan luar negara iaitu Thailand, Myanmar, Indonesia dan Laos.

Kejohanan yang telah berlangsung sejak 25 januari itu akan berakhir esok.